

**Tajuk : Mayat Terdampar Menurut Perspektif Islam**

---

Kategori: **Sosial/Syariah**

Tahun: **2000**

Status Pewartaan: **N/A**

Negeri: **N/A**

---

**Keputusan :** Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-48 yang bersidang pada 3 April 2000 telah membincangkan Mayat Terdampar Menurut Perspektif Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Mayat yang tidak dapat dikenalpasti identitinya termasuk kanakkanak terdampar boleh dianggap penduduk negara mayat itu dijumpai.
2. Sekiranya mayat tersebut dijumpai di negara orang Islam, tanpa bantuan pengenalan diri dan dokumen berkaitan, maka mayat itu dianggap Islam dan sekiranya mayat itu dijumpai di negara bukan Islam dan tidak ada dokumen atau tanda-tanda yang mayat itu seorang Islam, maka ia dianggap bukan Islam.
3. Mayat yang bercampur aduk antara orang Islam dan bukan Islam dan tidak dapat dibezakan maka hendaklah dimandi, dikafan dan disembahyangkan dengan niat kepada jenazah orang Islam sahaja. Mayat tersebut pula tidak boleh dikebumikan di tanah perkuburan bukan Islam. Sebaliknya mayat itu hendaklah dikebumikan di suatu kawasan berasingan atau di bahagian yang berasingan di tanah perkuburan orang Islam.



[Klik disini untuk mencetak](#)